

31 hotspot risiko tanah runtuh

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak 31 lokasi panas atau *hotspot* dikenal pasti di seluruh negara sebagai kawasan potensi berlakunya ancaman tanah runtuh jika fenomena hujan lebat berterusan semasa Monsun Timur Laut.

Data itu dikeluarkan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) pada awal bulan ini yang mengenal pasti beberapa kawasan berbukit tinggi, petempatan dan laluan bercerun. Ia khususnya di mana sistem perparitan tidak diselenggara dengan baik berisiko bencana tanah runtuh berlaku secara mendadak atau berperingkat-peringkat dalam skala kecil atau besar.

Semakan *Utusan Malaysia* di laman web rasmi JMG mendapati, antara kawasan *hotspot* yang berisiko dan sentiasa dipantau adalah di Pahang melibatkan kawasan peranginan Cameron Highlands dan Bukit



Fraser. Turut berada dalam senarai lokasi panas iaitu di Selangor melibatkan Bukit Antarabangsa-Hulu Langat serta Kuala Kubu Bharu, diikuti Kedah (Gunung Jerai, Baling), Pulau Pinang (Tanjung Bungah, Paya Terubong), Negeri Sembilan (Genting Peras, Jalan Seremban-Simpang Pertang) dan Perak (Ipoh, Kledang).

“Di Terengganu pula melibatkan (Aring-Kuala Berang-Kenyir), Kelantan (Lojing Gua Musang), Johor (Gunung Pulai), Sarawak (Miri, Kapit, Bau) dan Sabah (Kota Kinabalu, Kundasang, Sandakan),” lapor data yang dimuat naik berkenaan.

Dalam data sama, JMG melakukan program pengurangan risiko bencana geologi tanah runtuh khususnya di taman eko rimba (TER) yang menjadi tumpuan pelancong.

Antara tempat tumpuan TER yang dilaksanakan adalah di Kedah iaitu Gunung Jerai, Puncak Janing, Telaga Tujuh dan Sungai Sedim selain di Terengganu (Chemerong dan Menderu).

“Terkini, sebanyak 25 TER dikenal pasti berpotensi memberi ancaman berlakunya aliran puing dipetakan di mana pemasangan Sistem Amaran Awal dan Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti dilaksanakan.

“la melibatkan penduduk tempatan, agensi teknikal serta

agensi *responder* di bawah Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) peringkat daerah,” jelas data itu.

Dalam pada itu, JMG memaklumkan, sebanyak 119 daripada 254 cerun kritikal diklasifikasikan sebagai cerun kritikal tahap tinggi.

Untuk rekod, sebanyak 7,305 tanah runtuh direkodkan JMG dari 1961 hingga November lalu di seluruh negara.

Sementara itu, Ketua Pengarah JMG, Hisamuddin Termidi ketika dihubungi yang mengesahkan data berkenaan berkata, pemantauan berterusan dilaku-

“**Pemetaan geologi kejuruteraan dilakukan JMG bagi mengenal pasti cerun-cerun kritikal dan mengemukakan cadangan kepada pemegang taruh serta PBT.**”

HISAMUDDIN TERMIDI



ANGGOTA penyelamat bertungkus-lumus mencari mangsa yang tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Jalan Batang Kali-Genting Highlands, Hulu Selangor yang memasuki hari ketiga, semalam. - IHSAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

kan pihaknya dalam memberi khidmat kepakaran teknikal bagi penilaian ancaman tanah runtuh.

Katanya, ia termasuk kerjasama melibatkan pemetaan tanah runtuh bagi dijadikan input dalam analisis penghasilan peta bahaya dan risiko cerun.

Selain itu, jelasnya, pemetaan geologi kejuruteraan turut dilakukan JMG bagi mengenal pasti cerun-cerun kritikal dan mengemukakan cadangan kepada pemegang taruh serta pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya tindakan mitigasi segera.

“JMG juga melakukan siasatan merangkumi runtuh batuan, tanah runtuh, banjir lumpur, medapan tanah dan lubang benam di seluruh negara bagi membantu agensi teknikal yang berkenaan mengambil tindakan mitigasi cerun runtuh,” ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Kebombaan Operasi dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Nor Hisham Mohammad berkata, terdapat empat kejadian hakisan tanah di sekitar kawasan kaki bukit Genting Highlands sejak Januari lalu sehingga awal bulan ini yang direkodkan.

Kata beliau, lokasi berkenaan membabitkan kejadian di Kilometer (KM) 12, jalan naik pusat perancangan berkenaan yang berlaku pada 17 Februari lalu.

Kejadian sama turut berlaku di KM 14.5 Jalan naik Genting Highlands pada 9 Oktober lalu.

“Selain itu, hakisan tanah cerun turun berlaku di KM 8 jalan turun genting yang berlaku pada 13 Disember lalu dan kawasan berkenaan masih dalam pembaikan jalan.

“Pada hari sama, satu kejadian juga dilaporkan di KM 10.8 jalan naik genting melibatkan seorang mangsa yang terhempap pokok yang jatuh dari tanah runtuh.

“Bagaimanapun, mangsa hanya cedera ringan dan telah dikeluarkan oleh orang awam sebelum bomba tiba dilokasi kejadian,” katanya.